

14 DEC 2001

Mahathir-Kampung

DR MAHATHIR RAYU ORANG RAMAI JANGAN TERBURU-BURU BALIK KAMPUNG

ALOR SETAR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merayu orang ramai yang pulang ke kampung untuk berhari raya supaya tidak terburu-buru bagi mengelakkan korban kecelakaan jalan raya.

"Bawa kereta perlahan-lahan dan pandu dengan cermat. Kita akan sampai juga ke kampung walaupun memandu dengan perlahan biarlah satu jam atau dua jam lewat sikit sampai ke kampung, pun tidak apa," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini malam tadi, sejurus sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

Malam tadi beliau menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di daerah Kubang Pasu di Masjid Al-Aqla, Jitra dekat sini.

Dr Mahathir mengingatkan semua pengguna jalan raya supaya berhati-hati di musim perayaan seperti ini dan jangan sampai suasana ceria yang akan disambut nanti diselubungi kesedihan oleh keluarga masing-masing.

Beliau melahirkan rasa kecewa kerana masih terdapat banyak kemalangan yang meragut nyawa walaupun kempen dan nasihat keselamatan jalan raya diadakan sepanjang masa.

Dr Mahathir menyifatkan pemandu yang tidak cermat di jalan raya tidak mempunyai rasa simpati dan tanggungjawab terhadap pengguna jalan raya yang lain.

"Sewajarnya pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengingkari peraturan jalan raya kerana bukan sahaja membawa malapetaka kepada diri sendiri tetapi menyusahkan orang lain," katanya.

Jalan raya dan lebuhraya di seluruh negara mula sesak dengan kenderaan apabila orang ramai pulang ke kampung masing-masing sejak semalam bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang dijangka Ahad ini.

-- BERNAMA

MAN MNH RON